

**UCAPAN OLEH  
YB DATUK IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI  
TIMBALAN MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
DI MAJLIS PRA PERASMIAN MINGGU HARI ALAM SEKITAR  
NEGARA 2016  
PADA 25 SEPTEMBER 2016 (AHAD)  
DI TANGKAK JOHOR**

**YBHG. DATO' DR. ABD. LATIF B. MOHMOD,**  
Ketua Pengarah FRIM,

**YBHG. DATO' SRI DR. HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI ABD. RAHIM,**  
Ketua Pengarah, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMSM),

**YBHG. TUAN HAJI ISMAIL BIN ITHNIN,**  
Timbalan Ketua Pengarah Alam Sekitar (Pembangunan),  
Jabatan Alam Sekitar

**YBHG. TUAN HAJI ABDUL 'ALIM BIN ABD SHUKOR**  
Pegawai Daerah Ledang

**YBHG. ENCIK MOHD MASNI BIN WAKIMAN**  
Yang Dipertua Majlis Daerah Tangkak

Pegawai-Pegawai Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Sumber Asli  
dan Alam Sekitar dan Agensi Kerajaan di Daerah Tangkak

Wakil-wakil Industri, Wakil-wakil NGO, Wakil-wakil Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

## **ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,**

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bertemu pada pagi yang berbahgia ini bagi Majlis Pra Pelancaran (*Soft Launch*) Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Kebangsaan 2016.
2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih di atas kehadiran YBhg Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang sudi meluangkan masa bagi memeriahkan lagi Majlis pada pagi ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada semua yang hadir dari kalangan pegawai agensi kerajaan, pihak swasta, industri, Rakan Strategik Alam Sekitar, komuniti tempatan khususnya di Daerah Tangkak ini, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Rakan Alam Sekitar, guru-guru serta pelajar-pelajar sekolah. Kehadiran tuan-puan ini menunjukkan komitmen dan keprihatinan tuan-puan khususnya masyarakat di Daerah Tangkak ini terhadap program alam sekitar bagi memastikan kelestarian alam sekitar sentiasa terpelihara.
3. Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Majlis Daerah Tangkak selaku tuan rumah kerana sudi menerima program Pra Pelancaran Hari Alam Sekitar Negara diadakan di sini. Kesudian tuan dalam menjayakan program ini menunjukkan keinginan dan kesungguhan masyarakat di daerah ini untuk sama-sama berganding bahu dengan agensi persekutuan dalam menjaga dan memulihara alam sekitar. Dengan erti kata lain ianya amat tepat dan bersesuaian dengan tema iaitu "Alam Sekitar Tanggung Jawab Bersama".

YBhg Dato – Dato/Datin – Datin/Tuan/Puan,

4. Pada tahun ini, Hari Alam Sekitar Negara (HASN) yang dahulunya di kenali sebagai Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM), In sha Allah ianya akan disambut pada 22 Oktober 2016 di Kuching Sarawak. Sambutan HASN 2016 kali ini akan diadakan secara serentak di seluruh negara yang melibat kerjasama Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar dengan Kerajaan Negeri. Sambutan ini merupakan acara sambutan tahunan dan ini merupakan kali yang ke 25 negara kita menyambutnya sejak diperkenalkan pada tahun 1991. Penjenamaan semula ini adalah sebagai satu langkah pembaharuan dan transformasi kearah meningkatkan rasa kecintaan kepada alam sekitar di setiap lapisan masyarakat. Seperti saya sebutkan tadi, pada tahun ini, Sambutan Hari Alam Sekitar Negara membawa tema “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”. Tema ini bertepatan dengan matlamat Kerajaan untuk menjadikan perkongsian tanggungjawab ke atas alam sekitar tidak hanya disandarkan kepada Kerajaan malahan juga kepada masyarakat.

YBhg Dato – Dato/Datin – Datin/Tuan/Puan,

5. Sebagai salah satu langkah menuju kearah perkongsian tanggungjawab dan meneruskan semangat kerjasama serta mempromosikan kesedaran alam sekitar, Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan pendekatan jalinan kerjasama pintar dengan agensi dan NGO menerusi Perjanjian Persefahaman (MOU) dua hala atau lebih dikenali sebagai “Rakan Strategik Alam Sekitar”.

6. Konsep Rakan Strategik Alam Sekitar ini adalah merupakan satu bentuk pernyataan persefahaman dan hasrat untuk bekerjasama serta berganding bahu antara satu sama lain dan tidak mengikat pihak-pihak yang terlibat kepada sebarang tanggungan atau liabiliti. Sehubungan dengan itu, saya merakamkan ribuan penghargaan kepada semua rakan MOU-Rakan Strategik Alam Sekitar. Saya berharap kerjasama secara *synergy* seperti ini akan terus kekal dan akan membawa impak positif yang lebih tinggi dalam memupuk kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar.

YBhg Dato – Dato/Datin – Datin/Tuan/Puan,

7. Selari dengan tema HASN 2016 ini juga, suka saya ingin war-warkan bahawa Jabatan Alam Sekitar kini telah dan sedang melaksanakan aktiviti pengumpulan e-waste khususnya buangan ewaste dari isu rumah dan komersil. Melalui perlaksanaan ini pengurusan e-waste di semua tempat dan premis termasuk pejabat dan juga rumah dapat diuruskan dengan sempurna. Sepertimana yang tuan puan sedia maklum pengurusan e-waste ini sangat mencabar kerana kandungan yang terdapat dalam bahan elektronik dan elektrik ini sangat-sangat merbahaya dan memerlukan rawatan yang teliti dan sempurna sebelum ianya boleh dilupuskan secara selamat. Seandainya sisa ini dibuang begitu sahaja di tapak-tapak pelupusan atau dipinggir-pinggir jalan secara pelupusan haram atau dibuang ke dalam sungai, maka lambat laun akan mendatangkan implikasi negatif kepada kesihatan manusia dan alam sekitar.

8. Pada masa kini, Jabatan Alam Sekitar telah melesenkan 124 buah fasiliti dengan 31 fasiliti pemerolehan kembali penuh dan 93 fasiliti pemerolehan separa bagi pemerolehan kembali e-waste. Misalnya, Syarikat Shanpoornam Metal Sdn Bhd adalah salah satu fasiliti pemerolehan kembali penuh yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan terlibat secara aktif di dalam Program E-waste Alam Alliance. Bagi masyarakat Daerah Tangkak, sukacitanya saya memaklumkan iaitu satu jalinan kerjasama antara Shanpoornam Metal Sdn Bhd dan Syarikat Social Green Sdn Bhd telah dibentuk, di mana Syarikat Social Green Sdn Bhd akan lantik oleh Syarikat Shanpoornam Metal Sdn Bhd sebagai agen pengumpulan e-waste dari isi rumah di Daerah Tangkak dan seterusnya e-waste yang telah dikumpul akan dibawa ke fasiliti Shanpoornam Metals untuk diproses. Diharap dengan adanya mekanisma ini, hasrat negara amnya dan negeri Johor khasnya untuk menjaga sebahagian dari komponen sisa buangan merbahaya ini dapat terlaksana dengan jayanya.

YBhg Dato – Dato/Datin – Datin/Tuan/Puan,

9. Untuk makluman juga, program Pra Pelancaran HASN 2016 di Tangkak pada hari ini telah dimulakan dengan aktiviti penamaan semula pokok di Hutan Simpan Terla B di Cameron Highland pada 20 September 2016. Kemudian disusuli disini pada hari ini Majlis Pelancaran HASN 2016 dengan penanaman pokok dan penghijauan sekitar SMK Tun Mamat. Program ini akan berterusan di Pulau Besar, Mersing pada 26-27 September 2016 ia itu selain aktiviti penanaman pokok berasaskan pantai dan laut, maka program pembenihan batu karang akan dijalankan di Taman Laut Pulau Besar.

10. Dalam kesempatan ini, Kementerian saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada JPSM atas komitmen yang diberikan dalam memulakan langkah kerjasama yang erat diantara media dan agensi kerajaan terutamanya dalam memberikan pendekatan pada orang awam terhadap kepentingan memelihara dan memulihara khazanah hutan dan seterusnya menjamin kelasterian sumber asli kita secara berkekalan. Pelaksanaan program JPSM-GPS BESTARI dan aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan adalah melibatkan pendekatan kepada pelajar sekolah dan masyarakat melalui program penghijauan di sekolah-sekolah yang diterapkan melalui *Program Book2u*; mengenai alam semulajadi melalui Kem Perhutanan JPSM- GPS BESTARI serta Jejak Rimba melalui Program Kembara JPSM-GPS BESTARI. Tahukah anda, 1 pokok dapat membekalkan oksigen kepada 4 orang manusia. Ini bermakna dengan 1 pokok yang ditanam akan memberikan peluang kepada 4 orang manusia untuk dibekalkan dengan oksigen.

11. Selain menjalankan usaha-usaha penanaman semula pokok hutan ke kawasan yang diceroboh melalui kerjasama antara agensi kerajaan dengan pelaksanaan program penanaman pokok semula, program penghijauan di sekolah-sekolah juga merupakan langkah yang bijak disamping dapat memperkenalkan kepada pelajar-pelajar mengenai pokok-pokok hutan dan kem perhutanan menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar untuk lebih menghargai apa yang kita ada pada hari ini untuk diwarisi pada generasi akan datang. Program-program sebegini secara tidak langsung menyahut komitmen negara untuk mengekalkan 50% daripada keluasan tanah negara diliputi hutan selari dengan Aichi Biodiversity Targets 2011-2020 yang mensasarkan 50% daripada keluasan ekosistem yang terosot didunia dipulihkan pada tahun 2020.

YBhg Dato – Dato/Datin – Datin/Tuan/Puan,

12. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah memberikan komitmen terhadap penganjuran Pra Pelancaran Hari Alam Sekitar Negara 2016 ini, terutamanya kepada Majlis Daerah Tangkak, Jabatan Alam Sekitar, Agensi-Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang menjadi tulang belakang terhadap penganjuran ini.

13. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tetamu-tetamu yang hadir, pelajar-pelajar dan penduduk-penduduk tempatan. Dengan kehadiran tetamu-tetamu sekalian, diharapkan majlis ini bertambah seri dan meriahnya.

14. Tidak lupa juga ucapan dan rakaman penghargaan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur dan urus setia yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan program ini.

15. Akhir kata saya berharap supaya Hari Alam Sekitar Negara dapat terus dilaksanakan pada masa akan datang dan dapat mencapai objektif murni yang disasarkan oleh Kerajaan.

Sekian.

Terima kasih

**WABILLAHl TAUFIQ WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLAH HIWABARAKATUH.**